



International Journal of Modern Trends in
Social Sciences (IJMTSS)

Journal Website: <http://ijmtss.com/>
eISSN: 2600-8777



**MENINGKATKAN KEBERKESANAN PERANAN WAQF
DALAM BIDANG PENDIDIKAN DI ERA REVOLUSI INDUSTRI
4.0**

*INCREASING EFFECTIVNESS WAQF ROLE IN EDUCATION IN INDUSTRI
REVOLUTION 4.0 ERA*

Dr Cecep Soleh Kurniawan^{1*}, Dr Hjh Mas Nooraini Binti Hj Mohiddin²

¹ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali,(UNISSA) Brunei Darussalam
Email: soleh.kurniawan@unissa.edu.bn

² Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali,(UNISSA) Brunei Darussalam
Email: masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date:15.03.2020

Revised date: 12.04.2020

Accepted date: 04.05.2020

Published date: 10.06.2020

To cite this document:

Kurniawan, C. S., & Hj Mohiddin, M, N. (2020). Meningkatkan Keberkesanan Peranan *Waqf* dalam Bidang Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3 (12), 53-63.

DOI: 10.35631/IJMTSS. 312005

Abstrak:

Peranan penting institusi wakaf dan sumbangan dalam pelbagai sektor menjadi tunggak kekuatan ekonomi masyarakat Islam dulu dan kini. Wakaf adalah salah satu penaja utama kebitaran umat Islam di mana salah satu fungsinya ialah menghapuskan kejahilan melalui pendidikan. Pendidikan adalah penting di abad ini kerana melalui pendidikan mampu mengubah nasib dan status seseorang. Kejayaan pendidikan menjadikan kayu ukur pembangunan sesebuah negara melalui keberhasilan mengeluarkan produk yang berkualiti, berpotensi, kreatif dan inovatif. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi menelusuri sejarah hubung kait antara wakaf dan pendidikan dalam usaha untuk mengenal pasti cara meningkatkan keberkesanan peranan wakaf pendidikan di era Revolusi Industri 4.0. Metodologi penyelidikan yang diguna pakai adalah secara deskriptif. Analisis dilakukan dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal, kertas kerja dan artikel yang berkaitan. Pengurusan dan pentadbiran wakaf yang inovatif perlu dilaksanakan semaksimum mungkin lebih-lebih lagi bagi menghadapi perubahan besar revolusi industri 4.0 yang menggantikan tenaga manusia dengan tenaga teknologi. Keberkesanan peranan wakaf dalam bidang pendidikan mampu menghasilkan sumber tenaga yang berkualiti serta menyediakan pendidikan yang terbaik bagi masyarakat.

Kata Kunci:

Wakaf, Pendidikan, Revolusi Industri 4.0

Abstract:

The vital role of waqf institution and its contribution in many sectors becomes the core of the strongest economy in the Muslim community in the past at present. Waqf is the main sponsorship for the Muslim community when its function is to eliminate ignorance through education. Education is the most important thing in this era which can change an individual style of life. The success of education can become a medium in developing the country through the success of producing a quality, potential, creative and innovative product. This research tends to explore the history of waqf and education in order to identify the way of improving the waqf role in this era. A descriptive research methodology will be used. Analyzing information from secondary data such as journals, paper works, and relevant articles will be done. Waqf Management and administration should be done in order to prepare for the Industry Revolution 4.0 which robotic has replaced human resources. The effectiveness of waqf in education will enable to produce quality human resources and provide a better education for the community.

Keywords:

Waqf, Education, Industry Revolution 4.0

Pendahuluan

Kata *al-Waqf* adalah bentuk *masdar* dari kata *waqafa* yang bermakna secara bahasa *al-habs* (menahan) seperti perkataan "*habasa al-farsa fi sabilillah*", bermakna bahawa kuda ditahan/diwakafkan untuk digunakan dalam berjihad (Ibnu Manzur, 1414 H).

Sedangkan wakaf secara istilah bermakna "menahan asal dan memberikan hasilnya" (Ibnu Qudamah, 1405 H). Maksud dari definisi ini adalah bahawa seseorang yang akan berwakaf mestilah menahan hartanya -yang boleh diambil manfaat dan kekal keadaan asetnya bagi kegunaan yang sesuai dengan tujuan wakaf, baik untuk kepentingan agama, awam ataupun penghasilannya diguna pakai ke arah kebaikan bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah.

Wakaf atau *al-Habs* merupakan filantropi Islam (*Islamic Philanthropy*) (Chaider dan Irfan, 2005). yang perlu diberdayakan untuk keperluan umat. Ianya merupakan bentuk *mu'āmalah māliyah* yang sudah lama dikenali dan diamalkan oleh masyarakat sejak dahulu kala (Al-Kabisi, 1977). Hal ini tidak lain kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menciptakan manusia untuk mencintai kebaikan dan melakukannya sejak ia dilahirkan hingga hidup di tengah-tengah masyarakat. Dalam kitab *al-Magazi al-Waqidi* disebutkan bahawa wakaf pertama dalam Islam dilakukan oleh baginda Rasulullah *Shallallālu 'Alaihi wa Sallam* iaitu berupa tanah yang diwakafkan oleh beliau (Qahaf, 1421 H). Syariat wakaf ini kemudian diamalkan juga oleh para sahabat Baginda seperti Abu Bakar as-Siddiq, Umar bin Khattab, Talha dan Uthman bin Affan, Zubair, Ali bin Abi Talib, 'Amr bin al-'Ash, dan sahabat-sahabat Baginda Nabi yang lainnya.

Imam Al-Syafi'i berkata:

بلغني أن ثمانين صحابيا من الأنصار تصدقوا بصدقات محرمت

"*Saya dimaklumkan bahawa delapan puluh sahabat Ansar telah berwakaf*"
(Asy-Syirbini, 1415 H).

Beliau juga berkata:

إن صدقات المهاجرين والأنصار بالمدينة معروفة قائمة

"*Wakaf sahabat Ansar dan Muhajirin di Madinah diketahui kewujudannya*"
(Syafi'i, 1410 H).

Dan Jabir *radhiyallahu ‘anhu* berkata:

وقد قال جابر رضي الله عنه: "لم يكن أحد من أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم ذا مقدرة إلا وقف"

“Tiada seorang pun dari sahabat Nabi yang mampu berkecukupan harta kecuali ber-wakaf” (Asy-Syirbini, 1415 H).

Wakaf Islam tumbuh dan berkembang di zaman sahabat Nabi, khususnya setelah pembebasan kawasan Arab, seperti wakaf tanah dan perkebunan yang banyak tersebar di Madinah, Makkah, Khaibar, Syam, Iraq, Mesir dan kawasan-kawasan lainnya di Jazirah Arab. Sejak itu, wakaf terus berkembang dan mencapai puncaknya pada masa khilafah Abbasiyah ditandai dengan meningkatnya jumlah harta wakaf yang mencapai sepertiga tanah pertanian yang ada di berbagai negara-negara Islam, ditambah dengan kekayaan wakaf lainnya yang berbentuk perumahan rakyat dan kompleks perniagaan di berbagai ibu kota negara Islam yang terbentang dari hujung barat di Maroko hingga ke hujung timur di New Delhi dan Lahore (Qahaf, 1421 H).

Jika bentuk dan peruntukan wakaf pada awal mulanya terbatas pada tempat dan keperluan peribadatan, maka kemudian berkembang menjadi berbagai bentuk wakaf dan peruntukannya yang lebih variasi, seperti: untuk menjaga ketersediaan makanan asasi melalui wakaf tanah pertanian dan sumber air (Ibnu Kathir, 1419 H), khusus untuk bantuan fakir miskin dan *musāfir* (Qahaf, 1421 H), istana dan perhiasan dan peralatan kahwin yang dipinjamkan secara percuma bagi kalangan fakir miskin yang akan mengadakan pesta perkahwinan (Kurniawan, 2015), perkhidmatan pendidikan yang berkualiti dengan mendirikan institusi pendidikan (Sa’ati dan Yaya, 1416 H) dan menyediakan perkhidmatan kesihatan dengan mendirikan hospital dan klinik-klinik kesihatan (Kurniawan, 2015).

Peranan Wakaf dalam Dunia Pendidikan

Salah satu ciri yang membezakan Islam dengan ugama-ugama yang lainnya adalah penekanannya terhadap ilmu pengetahuan. Banyak ayat dalam al-Qur’an dan Hadis mengajak kaum Muslimin untuk mencari dan mendapatkan ilmu dan balasan bagi orang-orang yang berpengetahuan pada darjat yang tinggi. Di dalam al-Qur’an kata ilmu dengan berbagai bentuk katanya terulang sebanyak 845 kali (Shihab, 1993).

Beberapa ayat al-Qur’an yang diwahyukan pertama kepada Nabi Muhammad saw., menyebutkan pentingnya membaca bagi manusia sebagai bentuk perhatian Islam terhadap ilmu. Sebagaimana dijelaskan dalam Q.S. al-‘Alaq ayat 1-5 yang menurut ijmak ahli tafsir bahawa ayat ini adalah yang pertama yang diterima baginda Nabi Muhammad:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhan mu Yang menciptakan. Dia telah Menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhan mu Yang Paling Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya” (Q.S. Al-‘Alaq (96): 1-5).

Bahkan dalam ayat lainnya, ketika Allah mengangkat manusia sebagai khalifah dan membezakannya dengan makhluk Allah yang lain kerana ilmunya. Al-Qur’an sendiri menceritakan bagaimana Adam *‘alaihi salam*, diberi pengetahuan tentang konsep-konsep seluruhnya (*al-asmā kullahā*), dan malaikat disuruh bersujud kepadanya, sebagaimana yang tertulis dalam surat al- Baqarah ayat 31-33.

Al-Qur'an juga memberi isyarat bahawa yang berhak memimpin umat ialah yang memiliki ilmu pengetahuan. Beberapa Nabi dipilih menjadi penguasa dan juga beberapa orang dikisahkan menjadi penguasa kerana ilmunya seperti Thalut yang diangkat menjadi raja Israel (Al-Baqarah: 247) begitu pula dengan Nabi Daud (Al-Baqarah: 251).

Selain al-Qur'an, Baginda Nabi Muhammad dalam hadis-hadis nya banyak menyatakan pentingnya ilmu, memuji orang yang berilmu dan mewajibkan menuntut ilmu, di antaranya:

طلب العلم فريضة على كل مسلم

"Mencari ilmu wajib bagi setiap Muslimin"(Ali, 1405 H).

وَأَنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَأَنَّ الْأَنْبِيَاءَ، عَلَيْهِمُ السَّلَامُ، لَمْ يُوْرَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا، وَأَتَمَّا وَرَثُوا الْعِلْمَ

"para ulama adalah pewaris para Nabi. Karena para nabi tidak mewariskan wang dinar mahupun dirham, sesungguhnya mereka mewariskan ilmu"(Al-Aini, t.th).

Nas-nas di atas, baik ayat-ayat al-Qur'an mahupun hadis Nabi telah mendorong umat Islam untuk menuntut ilmu. Hakikatnya ilmu adalah bagian yang tidak terpisahkan dari kehidupan umat Islam. Pada zaman keemasan Islam, ilmu dan pendidikan menjadi teras peradaban dan pencerahan yang menjadi perhatian semua orang, sehingga mendorong para khalifah, gabenor, menteri dan para ulama untuk memberikan perhatian lebih terhadap pendidikan. Mereka rela melakukannya dengan mengorbankan waktu dan harta-harta. Bagi mereka, pendidikan, ilmu, mendirikan serta mewakafkan berbagai sarana pendidikan adalah di antara cara untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Semua ini mereka lakukan terdorong oleh sabda Baginda Rasulullah SAW:

"Apabila manusia anak Adam meninggal, maka terputuslah segala amalnya kecuali tiga perkara, iaitu: sadaqah jariyah, ilmu yang bermanfaat, atau anak salih yang selalu mendoakannya"(H.R. Muslim)

Jika merujuk kepada sejarah Islam, dapat ditemukan bahawa wakaf merupakan salah satu instrumen penting dalam kebangkitan ilmu pengetahuan dan pemikiran Islam selama berabad-abad. Di mana para wakif, mulai dari kalangan pemimpin, menteri, para alim ulama, dan persendirian dari masyarakat awam, banyak memberikan sumbangan yang aktif dalam perkembangan ilmu pengetahuan, sehingga peluang untuk memperoleh ilmu pengetahuan terbuka luas untuk seluruh golongan masyarakat tanpa ada perbezaan.

Selama berabad lamanya, wakaf telah banyak memberikan sumbangan yang nyata terhadap pembentukan ilmu dalam masyarakat Muslim, di antaranya ialah dengan:

1. Memanfaatkan masjid untuk kegiatan belajar mengajar dengan menyelenggarakan pengajian dan kajian ilmiah.
2. Membangun institusi pendidikan, mengangkat para tenaga pengajar yang ahli dan pakar dalam berbagai bidang ilmu dan menanggung kos pembiayaan para penuntut ilmu.
3. Menyediakan buku-buku bacaan yang berkualiti dengan di bangun berbagai perpustakaan.
4. Menyediakan sumber-sumber maklumat di institusi-institusi pendidikan, masjid, asrama dan hospital.

Masjid dan Pendidikan

Di antara masjid yang paling terkenal di mana wakaf memainkan peranan besar dalam menyebarkan ilmu- adalah Masjid Taj al-Jawami' atau lebih dikenal dengan nama Masjid Amru ibnu Al-Ash yang merupakan masjid pertama yang didirikan di Mesir. Di dalamnya terdapat:

Zawiyah (sudut) Imam Syafi'i *radiyallahu 'anhu*. *Zawiyah* ini dinamakan demikian, karena di sanalah Imam Syafi'i pernah mengajar. Di sana pula terdapat sebidang tanah sebelah *Sandabis* yang diwakafkan oleh Sultan Malik Al-Aziz Usman ibn Sultan Malik An-Nashir Shalahuddin Yusuf Ayub. Sampai sekarang, para alim ulama dan fuqaha masih mengabdikan diri mereka untuk mengajar. Di samping itu, terdapat juga *zawiyah* Al-Majidiyah di tengah-tengah masjid. *Zawiyah* ini berada di antara mihrab besar dan lima mihrab yang berada di dalam rwangan tengah di samping Mihrab Besar. Sudut ini dikelola oleh Majduddin Abu Al-Asybal Al-Harist bin Muhadzabaddin abi Al-Mahasin Mahlab bin Hasan. Di dalam masjid ini, terdapat juga *zawiyah* Ash-Shahibiyah dan *zawiyah* Kamaliyah yang bersampingan dengan pintu masjid. ... Telah mengkhabarkan kepada ku sejarawan dan sastrawan Syihabuddin Ahmad bin Abdulmalik bin Al-Hasan Al-Awhadi *rahimahullah*, dia berkata: Telah mengkhabarkan kepada ku 'Allamah Syamsuddin Muhammad bin Abdurrahman Ash-Shani' Al-Hanafi bahawa dia -sebelum terjadinya wabak pada tahun 749 H.- mengetahui bahawa di Masjid Amru ibnu Al-'Ash di Mesir terdapat lebih dari empat puluh pengajian ilmu yang tidak pernah sepi (Al-Maqrizi, 1418 H).

Di samping itu, juga dapat ditemukan di Masjid Ibnu Tholon di Mesir kegiatan pendidikan yang cukup maju. Perkara ini telah mendapat perhatian besar dan disokong oleh Pangeran Alamuddin Sanjar Ad-Dawadari selaku wakil Raja Al-Mansur Lajin. Al-Manshur melantiknya sebagai wakilnya di Mahkamah dan memberinya kebenaran untuk membeli harta-harta yang diwakafkan untuk Masjid Ibnu Tholon dan membiayai semua keperluan pembangunannya. Dengan kekuasaan tersebut, dia telah memperbaiki semua kerosakan, mengecat, dan membersihkan masjid tersebut. Di samping itu, dia juga mengadakan pengajian-pengajian fikah empat mazhab yang rasmi digunakan oleh penduduk Mesir sampai saat ini. Di masjid ini, diadakan juga pengajian tafsir Al-Quran Al-Karim, pengajian hadis Nabi SAW, dan kajian kedoktoran (Al-Maqrizi, 1418 H).

Contoh dua masjid ini menunjukkan betapa kuatnya kegiatan pendidikan di mana ketika itu masjid dijadikan sebagai pusat kegiatan umat Islam selama berabad-abad dan berperanan dalam menyokong kelangsungan dan kesinambungan pendidikan.

Perpustakaan Wakaf

Perpustakaan wakaf telah menyebar luas di seluruh penjuru dunia Islam sejak abad ke empat hijriah, sehingga jarang ditemukan sebuah kota yang tidak di bangun perpustakaan wakaf di dalamnya. Perpustakaan tersebut berserta buku-bukunya, kemudian menjadi tujuan utama para penuntut ilmu untuk menambah wawasan baru sekali gus memberikan kesempatan kepada mereka untuk mendalami pemikiran-pemikiran dan pendapat para penulis buku dari seluruh dunia Islam. Penyebaran dan ketersediaan perpustakaan wakaf di Andalusia ketika itu membuat Abu Hayyan An-Nahwi mencela orang yang membeli buku seraya berkata:

الله يرزقك عقلاً تعيش به، أنا أيّ كتاب أردته استعرتّه من خزائن الأوقاف

“Allah memberi mu akal supaya kamu dapat menggunakannya untuk hidup mu. Jika aku memerlukan buku, maka aku akan meminjamnya dari perpustakaan wakaf” (Al-Maqri, 1968).

Sebagai bukti berlimpahnya jumlah perpustakaan wakaf ketika itu. Pada abad ke 7 H., di kota Marwa as-Syahajan saja terdapat sepuluh perpustakaan wakaf. Yaqut Al-Hamawi berkata:

“Saya tidak pernah melihat di belahan dunia dimanapun, perpustakaan yang kelengkapan dan kualitasnya sama dengan dua perpustakaan Masjid Jami’. Salah satu dari perpustakaan tersebut bernama “Al-Aziziyah” yang diwakafkan oleh seorang yang bernama Azizuddin Abu Bakar Atiq Az-Zinjani atau lebih dikenal dengan nama Atiq bin Abu Bakar. Dia merupakan pelayan Sultan Sanjar yang sebelumnya bekerja sebagai penjual buah-buahan dan minyak wangi di pasar Marwa. Dalam perpustakaan tersebut terdapat sekitar 12 ribu jilid buku. Adapun perpustakaan yang satunya lagi bernama “Al-Kamaliah”. Di kota Marwa juga, terdapat perpustakaan-perpustakaan lainnya, diantaranya adalah perpustakaan Syaraful Mulk Al-Mustawfa Abu Sa’id Muhammad bin Mansur yang terletak di kawasan sekolahnya. Terdapat juga perpustakaan yang berada di sekolah Al-Amidiyah, perpustakaan milik Majdul Malik yang merupakan salah seorang menteri di Amidiyah dan perpustakaan Al-Khatuniah yang berada di sekolah Al-Khatuniah. Di samping itu, terdapat juga perpustakaan Add-Dhamiriah yang di bangun di sekitar hospital. Perpustakaan ini sangat mudah untuk didatangi dan lokasinya tidak seberapa jauh dari rumah ku. Di sana terdapat 200 jilid buku yang kebanyakannya dapat dipinjam tanpa harus memberikan jaminan.” (Yaqut Al-Hamawi, 1995).

Perpustakaan-perpustakaan wakaf tersebut beserta koleksi buku-buku wakafnya, ditambah perpustakaan-perpustakaan khusus lainnya seperti perpustakaan para khalifah, para pemimpin dan para menteri berada di sebalik kebangkitan gerakan pemikiran dan kebudayaan yang terjadi di dunia Islam selama berabad-abad. Perpustakaan tersebut menjadi rujukan penting para ulama terkenal dalam menulis karya-karya mereka, seperti Yaqut Al-Hamawi yang mengakui bahawa dia banyak menggunakan perpustakaan Marwa Syahajan. Dia berkata:

وأكثر فوائد هذا الكتاب وغيره مما جمعته فهو من تلك الخزائن

“Kebanyakan faedah buku ini (Mu’jam Al-Buldân) dan buku lainnya yang telah saya tulis adalah bersumber dari buku-buku yang ada di perpustakaan yang berada di sana (marwa)” (Yaqut Al-Hamawi, 1995).

Institusi Pendidikan Wakaf

Jika dikaji sejarah kegemilangan Islam secara lebih mendalam, maka akan diketahui betapa besarnya perhatian yang diberikan untuk pembangunan institusi-institusi pendidikan wakaf yang tersebar di seluruh dunia Islam. Masyarakat berlumba-lumba untuk membangun dan mendirikan institusi-institusi pendidikan merupakan fenomena yang sangat jelas. Bahkan perkampungan terpencil pun tidak terlepas dari sentuhan wakaf ini, apalagi di kota-kota besar yang penuh dengan bermacam-macam institusi pendidikan seperti madrasah al-Quran dan hadis, madrasah-madrasah berbagai mazhab fikah, madrasah kedokteran, dan madrasah-madrasah besar lainnya yang komprehensif (An-Nuaimi, 1990).

Di zaman kegemilangan masyarakat Islam, kebanyakan bangunan madrasah-madrasah di bangun dengan reka bentuk yang indah dan berukuran luas dengan menghabiskan kos yang tinggi. Semua madrasah yang di bangun pada sejarah dunia Islam adalah bergantung kepada wakaf. Madrasah-madrasah tersebut menyediakan pendidikan percuma bagi semua golongan masyarakat. Pada masa itu, pendidikan tidak diperuntukkan hanya bagi golongan masyarakat tertentu, tetapi kesempatan belajar terbuka luas bagi semua golongan masyarakat. Anak orang miskin dapat duduk sejajar dengan anak orang kaya; anak saudagar duduk bersampingan dengan anak buruh dan petani. Ketika itu, pendidikan dibagi kepada dua bagian: bagian dalam yang dikhaskan untuk para pendatang dan orang-orang yang mempunyai masalah kewangan, dan bagian luar bagi mereka yang mahu pulang ke rumah dan keluarganya di petang harinya (As-Siba'i, 1968).

Pada masa itu, madrasah bukan hanya berupa fizik bangunan, atau sekumpulan pelajar yang sedang menimba ilmu kepada para guru di waktu dan tempat tertentu. Di luar itu, kebanyakan madrasah pada masa itu merupakan sebuah institusi pendidikan berkualiti yang disokong oleh sistem yang khas, dijaga oleh tradisi, dan mempunyai sumber kewangan yang sangat kuat yang dapat membiayai semua aktiviti pendidikannya.

Walaupun tidak ada catatan sejarah yang dapat menjelaskan bila madrasah pertama didirikan dalam dunia Islam, tetapi para pakar sejarah yang mengkaji sejarah madrasah berpendapat bahawa madrasah tidak dikenal pada zaman Sahabat dan Tabi'in. Madrasah hanya mula beroperasi setelah tahun 400 H. Pengasas pertama madrasah dalam dunia Islam adalah masyarakat Naisabur pada kurun ke 4 (Ibnu al-Ajami, 1417). Semua penduduk Naisabur terlibat dan berperanan dalam mewujudkan dan membangunkan madrasah Baihaqiyah yang menawarkan pengajian pengkhususan dalam ilmu hadis (Yaqut, 1993). Pangeran Nasir bin Subkatakan dan saudaranya Sultan Mahmud bin Subkatakan juga turut berperanan dalam membangun sebuah madrasah. Di tempat tersebut, juga di bangun madrasah As-Sa'diyah (Al-Maqrizi, 1418 H).

Adapun madrasah yang paling terkenal pada zaman dahulu adalah madrasah an-Nizamiyah di Bagdad yang dibangun pada tahun 457. Madrasah tersebut menjadi terkenal kerana banyak para ulama banyak yang ikut bergabung untuk mewariskan ilmu di dalamnya. Madrasah ini disandarkan kepada Menteri Nizam al-Mulk Abi Ali al-Hasan bin Ali Ishaq bin al-Abbas at-Thusi yang merupakan salah satu menteri di kabinet Raja Syah bin Alab Arsalan bin Daud bin Mikal bin Saljuq di kota Bagdad. Madrasah tersebut di bangun pada tahun 457 H. Diantara ulama yang mengajar di sana adalah Syekh Abu Ishaq as-Syairazi, penulis kitab *at-Tanbih* dalam mazhab Syafi'i (Al-Maqrizi dan Taqiyuddin, 1418 H).

Selain itu, dikenal juga Madrasah al-Mustansiriyah di Bagdad yang pembangunannya selesai pada tahun 631 H. Madrasah ini menerapkan aturan pendidikan yang sangat ketat. Madrasah al-Mustansiriyah diwakafkan untuk empat mazhab fikih. Dari setiap kelompok terdapat 62 pakar fikih, dan empat orang pembantu pengajar. Disediakan pengajar untuk setiap mazhab, pakar hadis, dua orang pembaca dan puluhan pendengar, pakar kedokteran, serta puluhan umat Muslim yang mendalami ilmu kedokteran. Di samping itu, terdapat juga asrama yatim piatu lengkap dengan makanan asasi, ditambah wang bagi setiap anak yatim (Az-Zahabi, 1985).

Pangeran Saifuddin Ali bin Pangeran Alamuddin bin Sulaiman bin Jindar (salah seorang pemimpin besar di Halib yang dikenal dengan kecintaannya terhadap permasalahan sosial) telah mewakafkan dua buah madrasah di Halib, salah satunya diwakafkan untuk pengikut

mazhab Syafi'i dan satunya lagi diwakafkan untuk pengikut mazhab Hanafi (Ibnu Kathir, 1986). Begitu juga dengan Sultan Al-Malik An-Nasir Salahuddin Abu Al-Madzfar Yusuf bin Ayub yang telah mewakafkan Madrasah aS-Suyufiyah untuk pengikut mazhab Hanafi (Al-Maqrizi, 1418 H). Dan pada tahun 580 H., madrasah al-Fadhiliyah di Kaherah telah dibangun oleh seorang kadi yang bernama Abdurrahim bin Ali al-Baisani dan diwakafkan khusus untuk para ulama mazhab Syafi'i dan Maliki. Di antara ulama yang mengajar di sana adalah Imam Muhammad as-Syatibi penulis nazam Syatibiyyah dan muridnya Abu Abdillah Muhammad bin Umar al-Qurtubi dan Syekh Ali bin Musa ad-Dahhan dan yang lainnya (Al-Maqrizi, 1418 H).

Peranan Wakaf dalam Bidang Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0

Era Revolusi Industri adalah terjemahan *The Fourth Industrial Revolution*. Istilah revolusi industri dikemukakan oleh Arnold Toynbee tahun 1884 pada kertas kerjanya yang bertajuk *Lecturer on the Industrial Revolution*. Kata revolusi bermakna membawa perubahan kepada sesuatu atau dalam sesuatu bidang secara signifikan (meluas, menyeluruh, dan dalam tempoh yang cepat) (*Revolusi*, 2017). Masa yang diperlukan boleh kurang dari satu abad. Kata yang mirip dengan revolusi adalah Evolusi, ianya memiliki persamaan dalam perubahan yang signifikan, tetapi masa yang diperlukan tidak lah sebentar. Evolusi memerlukan masa sehingga berabad-abad untuk berubah (Mubarak, 2018).

Revolusi industri pertama atau dikenal dengan 1.0 ditandai dengan penemuan mesin-mesin berkuasa wap (*steam*) pada tahun 1775 oleh James Watt. Waktu itu pula perubahan manusia mulai terjadi yang awalnya terkurung pada ruang yang terbatas kemudian dengan adanya penemuan wap ini mereka mulai menjelajah dunia dengan mesin wap yang dipasangkan di kapal laut serta mesin-mesin lainnya yang ketika itu digunakan. Revolusi perindustrian 2.0 kedua pula melibatkan kuasa elektrik yang telah mengubah banyak hal dalam kehidupan. Era ini terjadi pada kisaran tahun 1860-1900. Era revolusi kedua ini sangat mengikat dan menjadi tumpuan harapan revolusi industri selanjutnya. Jika era 2.0 tidak berjalan atau terputus maka revolusi lainnya tidak akan menjadi sebuah perubahan baru. Masuk ke era ketiga 3.0 yang dimulai dengan berasaskan kecanggihan teknologi maklumat dan komputer sebagai tonggak nya. Era ini muncul di sekitar masa 1980-1990 dan berimpak besar pada kebijakan ekonomi, pendidikan bahkan masyarakat secara am (Mubarak, 2018).

Sedangkan revolusi industri keempat (IR 4.0), ia melibatkan Internet Of Things (IOT) atau Internet Kebendaan dalam hampir semua aspek kehidupan seharian dan berbeza daripada revolusi industri pertama yang tertumpu kepada penggunaan mesin berkuasa wap, revolusi industri kedua yang menjurus kepada elektrik dan revolusi industri ketiga yang lebih kepada penggunaan teknologi maklumat (IT). Menurut pengasas Forum Ekonomi Dunia, Klaus Schwab dalam bukunya *The Fourth Industrial Revolution* menjelaskan Revolusi Industri Keempat ini ditandai dengan kemunculan superkomputer, robot pintar, kenderaan tanpa pengemudi, suntingan genetik dan perkembangan neuroteknologi yang memungkinkan manusia untuk lebih mengoptimumkan fungsi otak (Schwab, 2016).

Wakaf Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0

Jika pada pembahasan sebelumnya sudah di bahas mengenai upaya generasi awal dalam menyiapkan generasi penerus dengan membekali mereka ilmu dan pendidikan, baik melalui masjid atau pun melalui institusi-institusi pendidikan wakaf yang mereka dirikan. Maka pada era IR 4.0 ini, umat Islam sewajarnya lebih peka dan bersedia menghadapi semua cabaran yang ada dalam semua sector, tidak kira dalam bidang ekonomi, sosial dan sebagainya.

Ada empat hal yang dialami manusia pada IR 4.0 ini: Pertama adalah Simple yang bermakna bahawa IR 4.0 memiliki kekuatan membuat segala sesuatu lebih mudah dan simple, sebagai contoh pemesanan ticket pesawat atau pesawat yang hanya menggerakkan jari tangan di layar hand phone android. Kedua adalah faster, bermakna lebih cepat; ketiga adalah *cheaper* atau lebih murah, sebagai contoh dulu untuk berkomunikasi mesti menggunakan SMS dengan biaya yang cukup mahal, sekarang dengan adanya wasap maka biaya pun berkurang, begitu juga dengan buku dapat dibaca dengan hanya berbentuk pdf tanpa harus membeli; keempat adalah *accessible* maknanya mudah untuk diakses dengan keberadaan internet sehingga akan lebih mudah dan jimat masa.

Cepatnya berlalunya masa pada sekarang, sudah diperingatkan oleh Baginda Rasulullah:

عَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : « لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَتَقَارَبَ الزَّمَانُ فَتَكُونُ السَّنَةُ كَالشَّهْرِ وَالشَّهْرُ كَالْجُمُعَةِ وَالْجُمُعَةُ كَالْيَوْمِ وَيَكُونُ الْيَوْمُ كَالسَّاعَةِ وَتَكُونُ السَّاعَةُ كَالصَّرْمَةِ بِالنَّارِ »

Dari Anas bin Malik r.a. Rasulullah saw. bersabda,

'Tidak akan terjadi kiamat sehingga waktu menjadi singkat maka setahun dirasakan seperti sebulan dan sebulan dirasakan seperti seminggu dan seminggu dirasakan seperti sehari dan sehari dirasakan seperti satu jam dan satu jam dirasakan seperti satu petikan api'. (HR. Tirmizi)

Dalam menghadapi zaman yang serba cepat dan impak teknologi dan globalisasi dunia tanpa sempadan seperti sekarang ini, maka fokus kepada penyiapan generasi yang berkemampuan ilmu dan iman adalah unsur asas untuk menyesuaikan dan menghadapi era IR 4.0, menghadapi kecerdasan buatan, dan menghadapi perubahan yang serba cepat. Semua cabaran itu memerlukan kelayakan generasi yang benar-benar siap yang mampu menyainginya. Di antara upaya yang perlu dilakukan adalah melalui konsep inovasi dan kreativiti dalam pendidikan yang akan membawa kepada pembangunan lebih banyak kepakaran dan kemahiran teknikal untuk generasi ini.

Di antara sarana yang dapat digunakan dan dimaksimumkan untuk keperluan umat adalah wakaf yang merupakan salah satu filantropi Islam (*Islamic Philanthropy*). Wakaf sebagai instrumen filantropi Islam perlu dioptimumkan melalui pengurusan produktif dengan kesan positif terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar serta berpandukan peraturan syariah dengan penggunaan teknologi digital dalam revolusi industri 4.0.

Profit wakaf dapat dieksploitasi dan diaktifkan dalam bidang pendidikan di era IR 4.0 melalui:

Kursi Penyelidikan

Hasil dari wakaf boleh dihaskan untuk Kursi Penyelidikan dalam berbagai bidang ilmu atau kepakaran yang bersesuaian dengan zaman. Syekh Jarnuzi dalam kitab *Ta'lim Muta'allim* (Al-Jamuzi, 1981) dan juga Imam Ghazali (Al-Ghazali, T.T.) dalam kitab *Ihya*-nya membahas secara lengkap masalah ilmu-ilmu apa saja yang dianjurkan Islam, di antaranya disebutkan bahawa ilmu yang wajib dicari adalah ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kewajiban-kewajiban pelaksanaan syariat Islam. Sedang yang wajib kifayah adalah ilmu-ilmu yang berkaitan dengan ilmu-ilmu kemasyarakatan dan ilmu-ilmu yang diperlukan dalam kehidupan sehari-hari, seperti ilmu tentang ubat-ubatan, matematik dan termasuklah keterampilan-keterampilan teknologi maklumat pada zaman ini.

Wakaf Program IT

Kehadiran revolusi industri 4.0 dirasakan telah mencipta perubahan yang fundamental pada perbagai sektor, seperti kehadiran *Internet of Things* (IoT), *Internet of Services* (IoS), *Big Data*, *Robotics* dan lainnya. Wakaf dapat dioptimumkan dengan cara mengekshakan keuntungannya untuk mengkaji bidang-bidang ini sehingga akan dihasilkan pendidikan yang berkualiti sama ada secara teknikal atau saintifik.

Wakaf Lepas Ijazah

Misi projek "wakaf for Postgraduate" adalah bertujuan untuk mengaktifkan peranan pengajian pascasiswazah di universiti, melalui program penyelidikan akademik murni, atau melalui sisi pengetahuan budaya, atau pihak pelajar profesional. Mungkin, antara beberapa isu penting yang memerlukan perhatian adalah upaya untuk menghidupkan kembali tesis sarjana dan doktor, yang tersimpan di perpustakaan universiti-universiti, serta mengaktifkan kesan hasil kajiannya, terutama kerana tesis sarjana ataupun doktor adalah hasil pemikiran generasi muda intelektual yang bercita-cita dalam usaha untuk melayani tanah air, negara dan tamadun mereka.

Rumusan

Sejarah dengan jelas mencatatkan kejayaan wakaf dalam membangunkan dan menyebarkan pendidikan dalam kalangan masyarakat Islam. Pengurusan dan pentadbiran wakaf yang inovatif perlu dilaksanakan semaksimum mungkin lebih-lebih lagi bagi menghadapi perubahan besar revolusi industri 4.0 yang menggantikan tenaga manusia dengan tenaga teknologi. Di antara sarana yang dapat digunakan dan dimaksimumkan untuk keperluan umat adalah wakaf yang merupakan salah satu filantropi Islam. Wakaf sebagai instrumen filantropi Islam perlu dioptimumkan melalui pengurusan produktif dengan kesan positif terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar serta berpandukan peraturan syariah dengan penggunaan teknologi digital dalam revolusi industri 4.0. Keberkesanan peranan wakaf dalam bidang pendidikan mampu menghasilkan sumber tenaga yang berkualiti serta menyediakan pendidikan yang terbaik bagi masyarakat.

والله أعلم بالصواب

Bibliografi

- Al-Aini, Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad bin Musa. (t.t.). *'Umdat al-Qāri Syarh Sahih al-Bukhāri*. Beirut: Dār Ihyā at-Turath al-‘Arabi
- Al-Hirawi, Ali bin Muhammad. (1422 H.). *Mirqat al-Mafatih Syarh Misykat al-Masabih*. Beirut: Dār al-Fikr
- Ali bin Muhammad, Abu al-Hasan. Nuruddin. (1405H). *Syarh Musnad Abi Hanifah*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Gazali, Abu Hamid. (t.t). *Ihya Ulumuddin*. Beirut: Dār al-Ma’rifah
- Al-Jarnuzi, Burhanul Islam. (1981). *Ta’lim al-Muta’allim*. Beirut: al-Maktab al-Islami
- Al-Kabisi, Muhammad Abid Abdullah. (1977). *Ahkām al-Waqf fi as-Syari’ah al-Islāmiyyah*. Bagdad: Wizārat al-Awqaf
- Al-Maqri, Ahmad bin Muhammad. (1388 H./1968 M). *Nafh Ath-Thayyib min Ghushn Al-Andalus Ar-Rāthib*. Beirut: Dār Shādir – Dār Beirut
- Al-Maqrizi, Taqiyuddin Ahmad bin Ali. (1418 H). *Kitab Al-Mawā’idz wa Al-Itibār bi Dzikr Al-Khuthūth wa Al-Ātsār*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah
- An-Nuaimi Ad-Dimasqi, Abdul Qadir bin Muhammad (1990 M), *Ad-Dāris fi Tārīkh Al-Madāris*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah

- As-Siba'i, Musthafa. (1388 H./1968 M.). *Min Rawā'i Hadhāratinā*. Beirut: Dār Al-Irsyad
- Asy-Syirbini, Syamsuddin Muhammad bin Ahmad. (1415 H). *Mughni Al-Muhtāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah
- Az-Zahabi, Syamsuddin Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad. (1985). *Siyar A'lām an-Nubala*. Beirut: Muassasat ar-Risalah
- Chaider S. Bamualim, Irfan Abu Bakar. (2005). *Revitalisasi Filantropi Islam*. Jakarta: Pusat Bahasa dan Budaya UIN Syarif Hidayatullah
- Ibnu al-Ajami, Ahmad bin Ibrahim bin Muhammad. (1417H). *Kunuz al-Zahab fi Tarikh Halib*. Halib: Dar al-Qalam. Juz 1.
- Ibnu Katsir, Abu al-Fida Ismail bin Umar. (1986 M). *Al-Bidāyah wa An-Nihāyah*. Beirut: Dār al-Fikr
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida Ismail bin Umar. (1419H.). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah
- Ibnu Manzur, Jamaluddin Muhammad ibnu Mukarram. (1414 H.) *Lisān al-Arab*. Beirut: Dār Sādir
- Ibnu Qudamah, Muwaffaquddin Abdullah bin Ahmad al-Almaqdisi. (1405 H.). *al-Mughni*. Beirut: Dār al-Fikri
- Klaus Schwab. (2016). *The Fourth Industrial Revolution*. Switzerland: Word Economic Forum
- Kurniawan, Cecep S. (2015). *Istithmār Amwāl al-Waqf*. Brunei: UNISSA
- Mubarak, Zaki (2018). *Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0*. Yogyakarta: Gending Pustaka
- Munzir Qahaf. (1421 H). *al-Waqf al-Islāmi: Tathawwuruhi, Idāratuh, Tanmiyatuhu*. Damaskus: Dār al-Fikri
- Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi an-Naisaburi. (t.t). *al-Musnad as-Sahih al-Mukhtasar binaqli al-'Adli 'an al-Adli Ila Rasulillah*. Beirut: Dār Ihyā at-Turath al-'Arabi
- Quraish Shihab. (1993). *Wawasan Al-Qur'an, Tafsir Maudhu'i atas pelbagai Persoalan Umat*. Bandung: Mizan
- Syafi'i, Muhammad bin Idris bin Al-Abbas bin Usman. (1410 H.). *Al-Um*. Beirut: Dār al-Ma'rifat
- Sa'ati, Yaya Mahmud. (1416H). *al-Waqf wa al-Bunyat al-Maktabat al-Arabiyyah*. Riyad: Markaz al-Malik Faisal li al-Buhuts wa ad-Dirāsat al-Islamiyyah
- Yaqut, Shihabuddin bin Abullah. (1993). *Mujam al-Udaba*. Beirut: Dal al-Magrib al-Islami. Juz1.
- Yaqut Al-Hamawi, Syihabuddin bin Abdullah. (1995). *Mu'jam Al-Buldān*. Beirut: Dār Shādir

Internet:

Revolusi. Tersedia di: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=revolusi>. Diakses pada 16 Februari 2020.